



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



SIARAN MEDIA

26 MEI 2019
UNTUK SIARAN SERTA MERTA

KEPAKARAN CYBERSECURITY MALAYSIA DALAM BIDANG FORENSIK DIGITAL DIKTIRAF INTERPOL

CYBERJAYA – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber dan juga agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah diberi pengiktirafan oleh INTERPOL yang merupakan badan antara kerajaan bagi menggalakkan kerjasama di antara pihak berkuasa polis seluruh dunia bagi menentang jenayah di atas sumbangan dan bantuan kepakaran forensik digital dalam membangunkan Garis Panduan bagi Makmal Forensik Digital Global INTERPOL (*INTERPOL Global Guidelines for Digital Forensics Laboratories*).

Pengiktirafan tersebut diberikan oleh Anita Hazenberg, Pengarah Pusat Inovasi INTERPOL pada Mesyuarat Kumpulan Pakar Forensik Digital Global INTERPOL kali ke-4 (*4th INTERPOL Digital Forensics Expert Group Meeting*) yang berlangsung di Sao Paulo, Brazil dari 22 hingga 24 Mei 2019.

“Pengiktirafan oleh pihak INTERPOL ini membuktikan kepakaran (kompetensi) dan kecekapan pegawai-pegawai forensik digital di CyberSecurity Malaysia diperakui di peringkat antarabangsa sehingga berjaya membantu pihak INTERPOL menerbitkan satu garis panduan yang akan diguna di seluruh dunia”. kata YBhg. Dato’ Ts Dr Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia.

Garis panduan yang memaparkan prosedur penubuhan dan pengurusan Makmal Forensik Digital (*Digital Forensics Lab*) serta panduan teknikal bagi mengurus dan



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: 140-400



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMM NO. 456
(MYST LABSOCIETY)



Status Company



Small Call Centre
Priority Service

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

memproses keterangan digital ini akan diedarkan kepada 194 negara anggota di seluruh dunia. Dokumen ini dikeluarkan oleh Interpol bagi memastikan bukti elektronik yang dihasilkan oleh Makmal Forensik Digital diterima di mahkamah undang-undang negara-negara anggota serta sistem keadilan jenayah antarabangsa.

Sementara itu, Makmal Forensik Digital CyberSecurity Malaysia telah mendapat akreditasi di bawah “Digital & Multimedia Evidence” berdasarkan ISO/IEC 17025:2005 dan pengiktirafan dari American Society of Crime Lab Directors/ Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB) pada 3 November 2011. American Society of Crime Lab Directors/ Lab Accreditation Board (ASCLD/LAB) kini dikenali sebagai ANSI-ASQ National Accreditation Board (ANAB). Melalui akreditasi ini, makmal tersebut diiktiraf sebagai makmal yang lengkap dalam penyediaan perkhidmatan berkualiti berkaitan forensik digital.

Menurut Dato’ Dr Amirudin, Makmal Forensik Digital CyberSecurity Malaysia merupakan makmal pertama di rantau Asia Pasifik yang berjaya mendapat pengiktirafan tersebut. Ia berupaya menyediakan perkhidmatan berkaitan forensik digital, antaranya Forensik Komputer, Forensik Multimedia, Forensik Telefon Mudah Alih dan Perkhidmatan Pemulihan Data, Forensik Biometrik, Forensik Peranti Terbenam, Forensik Pengkomputeran Awan dan Data Raya. Setiap makmal dilengkapi dengan peralatan dan perisian forensik digital terkini berdasarkan kepada setiap disiplin forensik tersebut dan mampu memberi perkhidmatan kepada sektor awam dan juga swasta.



Penulis Garis Panduan bagi Makmal Forensik Digital Global, Puan Sarah Khadijah Taylor dari CyberSecurity Malaysia bersama Pengarah Pusat Inovasi INTERPOL, Anita Hazenberg. Dokumen tersebut dibangunkan bersama oleh pasukan dari Makmal Forensik Digital INTERPOL dan CyberSecurity Malaysia

~ Tamat ~

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran media ini, sila emel: media@cybersecurity.my atau hubungi Mohd Shamil Mohd Yusoff +603-8008 7237 atau Zul Akmal Abdul Manan +603-8008 7242